



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Perbadanan Pembangunan Bandar (Pindaan) 1980

DR.31/1980

Naskah sah—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan
Pembangunan Bandar 1971.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbadanan Pembangunan Bandar (Pindaan) 1980 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta*.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

2. Seksyen 2 Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971, yang dalam Akta ini disebut “Akta ibu”, adalah dipinda dengan—

Pindaan
bagi
seksyen 2.
Akta 46.

(a) memasukkan selepas sahaja takrif “Kerajaan” yang terdapat dalamnya takrif baru yang berikut—

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Perbadanan yang dilantik di bawah seksyen 9A dan termasuk Timbalan Ketua Pengarah; dan

(b) memasukkan sebelum sahaja takrif “Timbalan Pengerusi” yang terdapat dalamnya takrif baru yang berikut—

“Timbalan Ketua Pengarah” ertinya Timbalan Ketua Pengarah Perbadanan yang dilantik di bawah seksyen 9A;.

Pindaan
bagi
seksyen 4.

3. Seksyen 4 Akta ibu adalah dipinda dengan—

(a) menggantikan seksyen-kecil (1) dengan yang berikut :

“(1) Perbadanan hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut, iaitu—

(a) seorang Pengerusi;

(b) seorang Timbalan Pengerusi;

(c) tidak kurang daripada lima tetapi tidak lebih daripada sembilan ahli lain yang mana tidak kurang daripada tiga hendaklah pegawai-pegawai awam; dan

(d) Ketua Pengarah Perbadanan.”;

(b) menggantikan seksyen-kecil (2) dengan yang berikut :

“(2) Seseorang ahli Perbadanan, lain daripada Ketua Pengarah Perbadanan yang menjadi ahli menurut perlantikannya sebagai Ketua Pengarah Perbadanan, hendaklah dilantik oleh Menteri.”; dan

(c) memotong perkataan-perkataan “, lain daripada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi,” yang terdapat dalam seksyen-seksyen-kecil (3) dan (6).

Pindaan
bagi
seksyen 9.

4. Seksyen-kecil (1) seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “Pengerusi atau Timbalan Pengerusi” di mana jua terdapat dengan perkataan-perkataan “Pengerusi, Ketua Pengarah atau Pengarah”.

Seksyen
baru 9A.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan dalam Bahagian III sebelum sahaja seksyen 10 seksyen baru 9A yang berikut :

“Perlan-
tikan
Ketua
Pengarah
dan
Timbalan
Ketua
Pengarah.

9A. (1) Bagi maksud-maksud Akta ini, maka hendaklah ada seorang Ketua Pengarah Perbadanan yang mana hendaklah dilantik oleh Menteri, dan seorang atau lebih Timbalan Ketua Pengarah Perbadanan yang mana hendaklah dilantik oleh Perbadanan dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan Menteri.

(2) Had-had dan syarat-syarat perlantikan Ketua Pengarah hendaklah ditetapkan oleh Menteri, dan had-had dan syarat-syarat perlantikan Timbalan Ketua Pengarah hendaklah ditetapkan oleh Perbadanan dengan kelulusan Menteri.”.

6. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 10 dengan yang berikut:

Pindaan
bagi
seksyen 10.

“Tugas Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah. 10. Ketua Pengarah hendaklah bertanggungjawab untuk menyediakan program, skim atau projek bagi pertimbangan Perbadanan, untuk menerbitkan panduan polisi atau menjelaskan keputusan Perbadanan kepada pegawai dan penjawat Perbadanan dan bagi penyeliaan dan pengawalan ke atas pelaksanaan keputusan itu; dan ia hendaklah dibantu oleh Timbalan Ketua Pengarah.”.

7. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 11.

Memotong
seksyen 11.

8. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen-kecil (2) dengan yang berikut:

Pindaan
bagi
seksyen 12.

“(2) Pengarah tiap-tiap Bahagian hendaklah dilantik, dan atas had-had dan syarat-syarat sebagaimana ditentukan, oleh Perbadanan dengan kelulusan Menteri; dan hendaklah bertanggungjawab kepada Ketua Pengarah.”.

9. Seksyen-kecil (2) seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “peruntukan seksyen-kecil (3) seksyen 11” yang terdapat dalamnya dengan perkataan-perkataan “arahan Ketua Pengarah”.

Pindaan
bagi
seksyen 13.

10. Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda dengan—

Pindaan
bagi
seksyen 15.

(a) menggantikan perkataan-perkataan “Timbalan Pengerusi” yang terdapat dalam seksyen-seksyen-kecil (1), (2) dan (4) dengan perkataan-perkataan “Ketua Pengarah”; dan

(b) memotong proviso kepada seksyen-kecil (2) dan seksyen-kecil (3).

Pindaan
bagi
seksyen 36.

11. Seksyen 36 Akta ibu adalah dipinda dengan menambah perkataan-perkataan “atau Timbalan Pengerusi” selepas perkataan “Pengerusi” yang terdapat dalamnya.

Pindaan
bagi
Jadual
Pertama.

12. Jadual Pertama Akta ibu adalah dipinda dengan—

- (a) menggantikan perkataan “sebulan” yang terdapat dalam perenggan-kecil (1) perenggan 2 Bahagian I dengan perkataan-perkataan “dua bulan”;
- (b) memotong perkataan-perkataan “atau Timbalan Pengerusi,” yang terdapat dalam perenggan-kecil (3) perenggan 3 Bahagian I; dan
- (c) menggantikan perkataan-perkataan “oleh salah seorang daripada mereka” di mana jua terdapat dalam perenggan-kecil (3) perenggan 3 Bahagian I dengan perkataan “olehnya”.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971.

1. *Fasal 2* mengadakan dua takrif baru, iaitu takrif “Ketua Pengarah” dan “Timbalan Ketua Pengarah”.

2. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 4.

Perenggan (a) Fasal ini bertujuan meminda seksyen-kecil (1) seksyen 4 bagi memasukkan Ketua Pengarah sebagai ahli Perbadanan.

Perenggan (b) Fasal ini bertujuan menggantikan seksyen-kecil (2) seksyen 4 kepada suatu seksyen-kecil yang baru yang memperuntukkan bahawa semua ahli-ahli Lembaga kecuali Ketua Pengarah hendaklah dilantik oleh Menteri. Ketua Pengarah menjadi ahli mengikut perlantikannya sebagai Ketua Pengarah.

Perenggan (c) Fasal ini bertujuan membuat peruntukan-peruntukan seksyen-seksyen-kecil (3) dan (6) seksyen 4 supaya terpakai ke atas Pengerusi dan Timbalan Pengerusi.

3. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen-kecil (1) seksyen 9. Pindaan ini memberi kuasa kepada Perbadanan untuk mewakilkan separuh daripada kewajipan-kewajipannya (selain mana-mana jawatankuasa atau jawatankuasa-kecil) kepada Pengerusi, Ketua Pengarah dan Pengarah Perbadanan dan tidak hanya kepada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi.

4. *Fasal 5* mengadakan suatu seksyen baru—seksyen 9A. Seksyen ini memperuntukkan perlantikan Ketua Pengarah, dan seorang atau lebih Timbalan Ketua Pengarah.

5. *Fasal 6* mengadakan suatu seksyen baru 10. Seksyen baru 10 ini menggariskan tugas-tugas Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah.

6. *Fasal 7* bertujuan memotong seksyen 11. Ini adalah pindaan yang berbangkit.

7. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen-kecil (2) seksyen 12. Dengan pindaan ini, Pengarah sesuatu Bahagian hendaklah dilantik oleh Perbadanan (dengan kelulusan Menteri) dan tidak dari Pengerusi. Seksyen-kecil (2) seperti yang dipinda memperuntukkan bahawa Pengarah hendaklah bertanggungjawab kepada Ketua Pengarah.

8. *Fasal 9* bertujuan meminda seksyen-kecil (2) seksyen 13. Ini adalah pindaan yang berbangkit.

9. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen 15. Dengan pindaan terhadap seksyen ini, kuasa bagi menjawab semua soalan mengenai perkhidmatan pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Perbadanan, yang mana masih diletakhak kepada Pengerusi dan Perbadanan ditukarkan kepada Ketua Pengarah, walau bagaimanapun, terdapat hak merayu kepada Perbadanan terhadap keputusan Ketua Pengarah.

10. *Fasal 11* bertujuan meminda seksyen 36. Seksyen 36 yang dipinda memperuntukkan bahawa dalam mana-mana pembicaraan sivil yang dibawa oleh atau terhadap Perbadanan, seseorang pegawai Perbadanan hendaklah memerlukan suatu pemberian kuasa daripada Pengerusi atau Timbalan Pengerusi, sebelum pegawai itu boleh memulakan tindakan atau hadir di pembicaraan tersebut bagi pihak Perbadanan. Setakat ini seseorang pegawai hanya memerlukan pemberian kuasa daripada Pengerusi sahaja.

11. *Fasal 12* bertujuan meminda Jadual Pertama.

Perenggan (a) kepada Fasal ini bertujuan meminda perenggan-kecil (1) perenggan 2 Bahagian I kepada Jadual Pertama. Setakat ini Lembaga dikehendaki bermesyuarat sebulan sekali. Dengan pindaan itu Lembaga dikehendaki bermesyuarat dua bulan sekali.

Perenggan (b) dan (c) Fasal ini bertujuan meminda perenggan-kecil (3) Bahagian I kepada Jadual Pertama. Seperti yang dipinda perenggan-kecil (3) memperuntukkan bahawa meteri biasa atau cap Perbadanan hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN. (U²) 1043.]